



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

KERATAN AKHBAR KESUMA”

JUMAAT
31 OKTOBER 2025



Tahun Kemahiran ASEAN (AYOS) 2025

Kejayaan bersejarah melalui tujuh platform utama

KUALA LUMPUR: Tahun Kemahiran ASEAN (ASEAN Year of Skills - AYOS) 2025, inisiatif utama Malaysia di bawah Pengerusi ASEAN 2025, telah melabuhkan tirainya dengan Majlis Makan Malam Gala yang berlangsung di Kuala Lumpur Rabu lalu. Bertemakan *Colours of Success: A Celebration of Achievements*, majlis ini menandakan kemuncak kepada perjalanan sepanjang tahun, merayakan pencapaian dan kejayaan bersama sepanjang pelaksanaan AYOS 2025.

Majlis disertai dengan kehadiran Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Datuk Amar Fadillah Yusof; Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong dan Gilbert F. Hounbo, Ketua Pengarah Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

AYOS 2025 dilancarkan secara rasmi pada 14 April 2025 di Kuala Lumpur. Inisiatif ini diterajui oleh Kementerian Sumber Manusia Malaysia (KESUMA) melalui agensinya Human Resource Development Corporation (HRD Corp), dengan sokongan padu daripada ILO dan Sekretariat ASEAN (ASEC).

Bertemakan *Bridging Talent, Building ASEAN*, AYOS 2025 menunjukkan usaha bersepadu rantau ini dalam memperkukuh ekosistem kemahiran yang inklusif, mampan dan bersedia untuk masa hadapan. Ia mencerminkan komitmen bersama ASEAN untuk mentransformasi tenaga kerja dan memperkukuh kedudukan rantau ini sebagai peneraju global dalam pembangunan modal insan serta transformasi kemahiran.

Fadillah berkata: "AYOS 2025 benar-benar mencerminkan keyakinan bahawa apabila kita melabur dalam kemahiran, kita bukan sahaja melabur untuk rakyat kita, tetapi juga untuk masa depan dan kemakmuran ASEAN."

Tambahnya, AYOS 2025 telah menjadi antara inisiatif penting yang meletakkan pembangunan modal insan di tengah-tengah agenda serantau.

"Bersama-sama, kita telah memperkenalkan model inovatif, memacu kerjasama berasaskan industri dan membangun rangka kerja yang menggalakkan mobiliti bakat serta pengiktirafan bersama merentasi sempadan," ujarnya.

Sementara itu, Gilbert F. Hounbo berkata: "Apabila



DARI KIRI: Dr. Syed Alwi Mohamed Sultan, Abu Huraira Abu Yazid, Gilbert F. Hounbo, Fadillah Yusof, Steven Sim, Azman Mohd. Yusof dan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa) Kementerian Sumber Manusia Malaysia (KESUMA), Dr. Haji Shaharin Umar pada Majlis Makan Malam Gala yang berlangsung di Kuala Lumpur Rabu lalu.



kita melangkah ke hadapan, momentum yang dibina oleh AYOS 2025 menjadi asas kukuh untuk masa hadapan. Saya amat berbesar hati dengan inisiatif baharu antara Kerajaan Malaysia, HRD Corp dan ILO yang akan memberi sumbangan besar dalam membangunkan tenaga kerja yang seiring dengan ekonomi hijau dan digital yang sedang berkembang."

Steven Sim pula berkata, AYOS 2025 merupakan satu inisiatif bersejarah bagi ASEAN yang membuktikan komitmen kolektif dalam melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran, inklusif dan bersedia menghadapi masa hadapan.

"Ketika kita meraikan kejayaannya, kita juga memperbaharui tekad untuk memperkasa bakat di seluruh rantau ini dan memastikan peluang untuk semua terus maju dan berkembang dalam dunia kerja

yang sentiasa berubah," katanya. Sementara itu, Ketua Eksekutif HRD Corp, Dr. Syed Alwi Mohamed Sultan berkata, perjalanan AYOS 2025 menunjukkan kekuatan kolaborasi dan visi bersama antara negara-negara ASEAN.

"HRD Corp berbangga memainkan peranan dalam membentuk pembangunan kemahiran yang bukan sahaja inovatif dan inklusif, tetapi juga berorientasikan ke arah mewujudkan tenaga kerja mampan dan berdaya saing untuk masa depan," katanya.

AYOS 2025 telah menggerakkan kerajaan, industri dan komuniti melalui tujuh platform utama yang merapatkan jurang kemahiran, menggalakkan mobiliti bakat dan memperkukuh keterangkuman di seluruh ASEAN. Inisiatif ini juga memupuk kerjasama kukuh antara sektor awam dan swasta serta

mempertingkatkan daya tahan kolektif ASEAN dalam menghadapi peralihan global.

Majlis Makan Malam Gala turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha KESUMA, Datuk Azman Mohd Yusof; Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp, Datuk Abu Huraira Abu Yazid, Menteri-Menteri Tenaga Kerja ASEAN; duta-duta ke Malaysia serta wakil-wakil daripada agensi kerajaan dan pertubuhan masyarakat.

Walaupun AYOS 2025 telah berakhir, usaha untuk membangunkan tenaga kerja ASEAN yang berkemahiran, mudah menyesuaikan diri dan inklusif akan diteruskan. Asas kukuh yang telah dibina melalui inisiatif ini akan menjadi panduan kepada kerjasama berterusan, bagi memastikan rantau ini kekal berdaya saing, berdaya tahan dan bersiap sedia untuk masa hadapan.



**DR. SYED
ALWI
MOHAMED
SULTAN**



TUJUH PLATFORM UTAMA

- **27 & 28 Mei 2025:** ASEAN Human Capital Development Investment Symposium (AHCDis): Menghimpunkan pembuat dasar, pelabur dan pakar untuk meneroka model pembiayaan inovatif dan menonjolkan amalan terbaik dalam memperluas akses kepada kemahiran.
- **14 hingga 21 Jun 2025:** Minggu Latihan Kebangsaan (National Training Week -NTW) 2025: Memberi manfaat kepada jutaan peserta di seluruh ASEAN dengan 3.7 juta penyertaan dan 70,000 program latihan percuma merentasi pelbagai industri, sekali gus memberi inspirasi inisiatif yang sama di peringkat serantau.
- **15 Julai 2025:** ASEAN Training Market Conference (ATMC): Menghubungkan industri, penyedia latihan dan kerajaan untuk memperkukuh kerjasama serantau serta perkhidmatan rentas sempadan.
- **13 & 14 Ogos 2025:** ASEAN TVET Conference (ASEAN TVET): Memacu dialog mengenai reformasi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta pembelajaran berasaskan kerja di rantau ini.
- **6-8 Oktober 2025:** Persidangan & Pameran Modal Insan Kebangsaan (National Human Capital Conference & Exhibition -NHCC) 2025: Diisytiharkan oleh hampir 3,000 delegasi. Menjadikan Malaysia sebagai hab inovasi modal insan. Melalui segmen BizMatch, lebih RM3 juta nilai untuk pendaftaran baru dijana dalam masa tiga (3) hari, menunjukkan indikasi bahawa rakyat Malaysia bersetia untuk meningkatkan kemahiran dan kemahiran semula.
- **22 & 23 Oktober 2025:** Global Skills Forum (GSF): Mengangkat suara ASEAN ke peringkat global dalam membincangkan masa depan pembangunan kemahiran, menekankan peranan sektor swasta dan kerjasama awam-swasta, serta menunjukkan kepentingan teknologi hijau dan kemahiran digital bagi tenaga kerja masa depan.
- **22 Oktober 2025:** Forum Menteri-Menteri Tenaga Kerja ASEAN mengenai Pembangunan Modal Insan (AFMM-HCD): Platform di mana Negara Anggota ASEAN mengesahkan komitmen kolektif mereka untuk memperkukuh pembangunan kemahiran dan transformasi tenaga kerja dengan pengisytiharan *Joint Statement on Skills Development for the Future Workforce in ASEAN*.

Akhbar	The Star
Tarikh	31 Oktober 2025
Ruang	Nation
Muka Surat	10

24/7 protection for workers

Bill tabled to extend social security benefits to non-work injuries

A NEW Bill seeks to protect workers involved in accidents unrelated to their jobs and which happen outside their working hours.

Human Resources Minister Steven Sim (pic), who tabled the Employees' Social Security (Amendment) Bill 2025 for the first reading, said the proposed amendment to the Employees' Social Security Act 1969 seeks to introduce a new social security scheme, namely Non-Employment Accident Injury Scheme, which extends social security protection to employees from accidents which occur outside working hours and not related to their employment.

The proposed amendment will

include a subsection on "non-employment injury which refers to a personal injury to the employee caused by accident not arising out of and in the course of his employment in an industry to which this Act applies and shall not include any circumstance specified in section 96B".

Under Clause 13, which seeks to insert a new section to provide "that an insured person is not entitled to any benefit in respect of disablement as a result of non-employment injury caused by an accident occurred outside of Malaysia".



The amendment would also allow an insured person to claim for medical benefits if he suffers from a non-employment injury.

Additionally, an insured person who dies as a result of non-employment injury shall also be entitled to funeral benefit and funeral benefit payment will be provided for his dependants.

Similarly, the amendment will also apply for disablement claims caused by non-work injury.

Another addition to the amendment is to empower the medical board to review any decision and

assessments of the extent of the disablement caused by the non-employment injury.

The new Bill will include changes where insured persons or their dependants will be prevented from claiming duplicate benefits for the same injury, invalidity or death under multiple schemes administered by the Social Security Organisation (PERKESO).

Those eligible for more than one benefit will be required to choose one and the decision will be final.

New Sections 96B and 96C will further define cases that do not qualify as non-employment injuries, including those categorised

as self-employment or domestic injuries, or cases arising from illness and reaffirm that duplicate benefit claims across related Acts are prohibited.

Sim previously announced that the 24-hour social security protection, under amendments to the Employees' Social Security Act 1969, is crucial to ensure workers under PERKESO remain protected beyond official working hours, in line with the realities of modern and flexible work arrangements.

The amendment, he added, will guarantee continued protection for workers outside office hours, reflecting the evolving nature of today's workplace.